

Perspektif Didaktik Islam Dalam Novel *Pewaris*

Didactic Islamic Perspective in Novel *Pewaris*

Sahidin Nitiphak¹

(Received: November 10, 2022; Revised: December 06, 2022; Accepted: December 28, 2022)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan didaktik keislaman dalam novel *Pewaris* (1995) karya Rahimidin Zahari yang memberikan pengajaran secara langsung memiliki pola cerita kronologi bersistematik pada pengembangan fikiran yang berlandaskan ajaran Islam. Novel *Pewaris* memberi focus terhadap seorang pendakwah yang kerjayanya tetap diteruskan kepada ummah walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran, ugutan dan fitnah. Maka novel *Pewaris* ini berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan dakwah Islam kepada Khalayak. Semakin baik didaktik, semakin berhasil pencapaiannya. Oleh itu kajian ini bertujuan menjelaskan konsep didaktik perspektif Islam melalui watak Bagia Shaif yang tertera dari sikap senantiasa mengerjakan amal ibadat, selalu syukur kepada Allah dan cekal menyebarkan ilmu agama kepada orang lain. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif seperti kajian kepustakaan dengan menggunakan deskriptif analisis. Berdasarkan kajian didapati bahawa novel *Pewaris* diketengahkan tentang motif secara langsung dan tidak langsung yang sesuai menjadi pedoman dalam pengajaran dan pembelajaran, berinisiatif, sikap ikhlas dan fikiran positif wajar diteladani kepada orang lain.

Kata Kunci: *Didaktik, Novel, Pengajaran*

¹ Faculty of Liberal Arts, Princess of Naradhiwas University, Narathiwat. (Corresponding author / Email : disisiku@hotmail.com)

Abstract

This study aims to discuss the didactics of Islam in the novel *Pewaris* by Rahimudin Zahari, which directly teaches a systematic chronological story pattern on the development of the mind based on Islamic teachings. The *Pewaris* novel focuses on a person whose work continues to the community despite challenges, threats and damage reputation that occur. That is why in its function is a tool to be taught, the greater the didactic, the more effective the achievement. Therefore, this objective explains the didactic concept of the Islamic perspective through Bagia Shaif's character, which is reflected in the attitude of always doing acts of worship, always being grateful to God and determined to spread religious knowledge to others. The methodology used in this study is a qualitative method such as a bibliographic study that refers to journals and books related to the title of the study by using descriptive analysis. Based on the research carried out, the author found evidence that the *Pewaris* novel highlighted the direct and indirect motives worthy of being a guideline in teaching and learning, initiative, sincere attitude and positive thoughts should be emulated to others.

Keywords: *Didactic, Novel, Teaching*

Pendahuluan

Novel Islamik merupakan tema yang menarik untuk dikaji dalam sebuah karya sastra kerana karya novel merupakan suatu bentuk penyaluran inspirasi seseorang dalam persoalan-persoalan yang sering terjadi dalam kehidupan manusia. Antara sastra dan pengajaran memiliki kaitan yang terjalin satu sama lain. Ini disebabkan kedua-duanya memberi fungsi tentang isu-isu kehidupan yang menjadi punca di dalam masyarakat. Secara umumnya, kelompok yang paling rapat dengan Islam ialah ustaz. Kelompok tersebut merupakan ilmuwan yang menguasai pelbagai bidang ilmu Islam seperti fikah, tauhid dan tasawuf. Dengan matlamat sebenarnya untuk menyebarkan ajaran Islam, golongan inilah telah menyalin dan menyadur pelbagai bahan pengetahuan. Selain itu, terdapat sesetengah para cendekiawan yang aktif menulis dan menghasilkan karya dengan

memberi fokus terhadap topik-topik tertentu yang memerlukan penerangan lanjut berbanding kitab (Siti Hawa Haji Salleh, 2002). Mereka akan mencatat serta merakamkan sesuatu peristiwa yang ditempuhi sebagai pengetahuan dan pengajaran generasi yang kemudian. Penulisan karya adalah penting sebagai wadah untuk merealisasi perubahan, yang digerakkan oleh peranan sasteranya, di mana penghasilan puisi berkait rapat dengan kesedaran tauhid penyair dan usaha penyair menggunakan puisi sebagai medium dakwah ke arah penyempurnaan tauhid diri dan masyarakat pembaca (Maniyamin, 2005).

Didaktik berasal daripada bahasa Yunani ‘Didaskein’ bermakna set tingkah laku bersifat mendidik ilmu tentang prinsip-prinsip mengajar, kaedah menyampaikan bahan-bahan pelajaran untuk dapat dikuasai oleh orang. Di samping itu, istilah didaktik menyatakan refleksi saintifik biasanya pengajaran dan pembelajaran sering menjadi tumpuan utama (Rothgangel and Vollmer, 2020). Di Barat istilah didaktik akan refleksi melalui pengajaran dan pembelajaran di sekolah sebagai fokus utama bahkan konteksnya meliputi etika baik atau buruk. Dalam erti kata yang lain, didaktik merupakan segala hal yang disusun dan diatur sehingga seseorang mendapatkan suatu pendidikan mencapai pendewasaan. Kegiatan didaktik ini lebih menekankan kepada upaya untuk memberikan sejumlah pengetahuan dari pendidik kepada peserta oleh sesuatu masyarakat. Didaktik merupakan suatu ilmu tentang mengajar serta ilmu yang berdiri atau memiliki disiplin sendiri (Hamalik Oemar, 2001).

Didaktik bersinonim dengan perkataan dakwah, dari sudut istilah ialah usaha untuk mengajak manusia dengan perkataan dan perbuatan kepada Islam, menerapkan manhajnya, memeluk akidahnya dan melaksanakan syariatnya (Jum’ah Amin Abdul Aziz, 2005). Selaras maksud ini menurut Ab. Aziz Mohd Zin (1999) merupakan usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredaan Allah. Sehubungan itu, dalam kajian ini akan menyingkap sumber sifat dan gambaran yang dicerap untuk membentuk keindahan serta kelakuan mulia secara mutlak Tuhan pencipta sepertimana individu dikehendaki menyayangi saudaranya malah mengasihi fakir miskin serta menjauhi sifat sombong dan iri hati. Didaktik ada di mana-

mana sahaja di dunia dan pada bila-bila masa juga menerima tinggi akhlak yang baik dan menolak akhlak yang buruk adalah sesuatu langkah yang dibangunkan selari Islam untuk melindungi seluruh umat. Dalam firman Allah SWT. SURAH Ali Imran ayat 104 yang bermaksud “Haruslah ada (di antara) kamu menjadi umat yang menjalankan da’wah dan melakukan amar ma’ruf nahi mungkar. Umat yang menjalankannya itu adalah umat yang menang bahagia.”

Fenomena globalisasi yang kelihatan sering berlaku dengan penuh pancaroba kedatangan Islam sewajar adalah membawa masyarakat yang diasaskan atas rasa kasih sayang, hormat-menghormati dan tidak ada tempat bagi fahaman yang mementingkan diri. Hal demikian sebagai medium untuk khalayak ramai ditegur sapa ialah melalui sastera. Sastera memang sangat dekat dengan kehidupan manusia, baik sebagai hiburan mahu pun sebagai pencipta. Hal ini disebabkan karya sastera merupakan ungkapan peribadi manusia yang ada unsur pengalaman, pemikiran, perasaan, idea, keyakinan dalam pembentukan cerminan kehidupan. Dalam buku S. Othman Kelantan, Arah Pemikiran Sastera Malaysia yang menggariskan bahawa yang dinamakan kesusasteraan Islam itu antara lain ialah karya-karya, terutama dalam bentuk kreatif, yang menunjukkan kemurnian akhlak, moral, merangsangkan manusia untuk berbuat baik, bersyukur kepada nikmat Tuhan dan menyedari kebesaranNya memberi kesan yang positif kepada manusia dan menjelaskan sesuatu yang konstruktif. Karya itu dibina dalam bentuk struktur yang baik dan dalam bahasa yang kreatif dan imaginatif. Keperluan estetik diperlukan dalam kombinasi antara bentuk dan isi (Abdul Aziz Itar, 2000).

Latar belakang penulis novel Pewaris oleh Rahimidin Zahari. Beliau terdidik dengan baik dalam agama khususnya. Beliau berasal dari kampung di Bechah Keranji, Kelantan. Pada awalnya, beliau minat mengarang puisi turut dikagumi sebagai remaja yang kental jiwa bukan kerana beliau ada sikap yang rajin sahaja malah diasuh atau dikerah belajar Menyusun kata-kata indah. Beliau sering mengikuti kuliah Syamil Rasulullah yang kitabnya disyarahkan Syeikh Ahmad Fahmi. Beliau aktif menulis sajak agama selain itu menulis seni warisan Kelantan (Zainal Rashid Ahmad, 2020). Karya yang

beliau melontarkan idea cukup keinsafan karakternya ialah seorang yang penyedih yang pendiam.

Dalam novel Pewaris karya Rahimidin Zahari bertemakan perjuangan dan pengorbanan ke jalan yang benar. Sinopsis novel Pewaris menggambarkan dari perbuatan yang jahat sama ada ingin memprovokasi ustaz muda kerana semua sudah tukar arah perhatian terhadap ustaz muda ini. Susur galur ustaz muda atau bakal ulama hebat nanti beliau bernama Muhammad Bagia Shaif Bin Haji Mustafa Al-Peringati setelah pulang ke tanah airnya di Padang Rombakan hampir sepuluh tahun belajar di tanah Hijjaz, beliau kembali untuk mengembangkan agama. Namun ketika beliau pulang ke kampungnya didapati bahawa surau dan kawasan pemondokan peninggalan tok ayahnya terbiar begitu sahaja kerana berlaku perselisihan antara bapa saudara, Haji Abdul Rahman Al-Peringati dengan ayahnya Haji Mustafa Al-Peringati. Namun Bagia Shaif berjaya membangunkan semula peninggalan Allahyarham tok ayahnya. Beliau berjaya memenuhi wasiat tok ayahnya untuk menyambung kerja-kerja di jalan Allah. Bagia Shaif juga berjaya mengatakan bapa saudara dan ayah setelah berselisihan beberapa tahun.

Konflik telah bermula seketika Bagia Shaif menghidupkan kembali pemondokan serta projek pertanian bagi anak-anak di pondok senang mendapat rezeki. Pihak keluarga sebelah bapa saudaranya Zubair marah dan selalu menentang kerja beliau kerana telah menjejaskan pekerja di kilangnya lantas beliau dikhianati, disihir dan difitnah. Kejadian fitnah memfitnah seperti khabar palsu keluar daripada orang kampung bahawa Bagia Shaif mengajar ilmu sesat atau adegan menyebarkan fitnah bawa meninggalkan adik sepupunya yang bernama Atiqah berada di rumah beliau malah ada kala memfitnah Bagia Shaif telah menyihir bapa Zubair sehingga jatuh sakit atau tatkala tiba-tiba Balqis mulai jatuh sakit dengan terkena buatan orang lain. Akan tetapi tindakan yang paling mengerikan perkampungan ialah kejadian membakar pondok saat Bagia Shaif berada di dalam.

Berdasarkan kejadian dan permasalahan di atas, maka penulis tertarik untuk melakukan kajian mencungkil implikasi karya dengan tajuk Didaktik Perspektif Islam Dalam Novel Pewaris karya Rahimidin Zahari.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan menjelaskan konsep didaktik perspektif Islam melalui watak Bagia Shaif dalam Novel Pewaris karya Rahimidin Zahari.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Flick U (2007) telah menegaskan bahawa kajian kualitatif dilakukan “to understand, describe and sometimes explain social phenomena 'from the inside' in a number of different ways;...by analyzing document (texts, images, film or music) or similar traces of experiences or interactions”, yang diterapkan pendekatan konseptual dengan menganalisis bagaimana karya-karya kesusasteraan Melayu berperanan sebagai alat komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan sesuatu maklumat atau mesej kepada khalayaknya. Penggunaan kaedah deskriptif analisis dapat ditakrifkan sebagai organisasi pencapaian masalah yang dikaji dengan mendapat gambaran berdasarkan isi dan fakta. Manakala konsep didaktik dipilih untuk memperlihatkan bahagian isi yang terkandung di dalam novel Pewaris karya Rahimidin Zahari dijadikan sandaran untuk melihat keberkaitan didaktik keislaman. Hal ini dapat disimpulkan bahawa kajian deskriptif adalah mementingkan kepada pokok persoalan yang dipaparkan supaya memperoleh jawapan dalam objektif secara terperinci, sistematik dan tepat atas kenyataan-kenyataan sifat-sifat serta hubungan antara fenomena yang diselidiki. Konsep Didaktik dikemukakan oleh Mustafa Muhammad al-Thahhan (2017) menulis dalam buku Gurunya Umat Manusia pada buku itu dijelaskan bagaimana cara mendidik sahabat, keluarga hingga umatnya. akan terbahagi kepada 6 prinsip, iaitu 1) diajar dengan penuh cinta dan kasih 2) bersikap lemah lembut 3) mengindahkan jiwa dan tingkah laku 4) tidak putus asa menggali potensi orang lain 5) mendidik secara bertahap 6) selalu menjadi guru yang ramah.

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan hasil analisis didaktik perspektif Islam dalam novel Pewaris, didapati sebanyak 6 prinsip yang wujud dalam novel ini, iaitu 1) diajar dengan penuh cinta dan kasih 2) bersikap lemah lembut 3) mengindahkan jiwa dan tingkah laku 4) tidak putus asa menggali potensi orang lain 5) mendidik secara bertahap 6) selalu menjadi guru yang peramah. Kemudian dideskripsi karya yang terdapat dalam novel Pewaris. Berikut akan dipaparkan mengikut unsur didaktik yang terkandung dalam novel Pewaris.

Diajar dengan penuh cinta dan kasih

Satu kaedah dalam penyampaian agak berkesan khususnya pelaksanaan yang menggambarkan cita-cita keislaman sebagai visi menerapkan pengajaran ialah supaya memahami ilmu agama dan perkara-perkara justeru menarik orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk Allah SWT dan melaksanakan dengan kasih sayang antara makhluk Tuhan. Teguran sehingga memberikan kepercayaan kepada orang lain kerja ini sangat berat. Seseorang membenci orang lain dia mendapat nikmat dan ingin melihat kehilangan nikmat itu ialah manusia yang terpesong jalan hidupnya disebabkan kegelapan merintanginya, iaitu cintanya kepada dunia serta kesenangan hidup sementara. Pemaparan sarkasme dalam novel Pewaris seorang pemimpin agama yang perlu kekuatan bukan hanya dikembangkan pada sifat penyabar tetapi juga patuh kepada peraturan agama. Petikan di bawah menunjukkan perihal yang jelas seperti berikut:

“Serentak itu penampar Pak Longnya tiba-tiba singgah di pipi Bagia Shaif. Bagia Shaif tergerak tubuhnya dan serban di kepalanya terburai. Dengan muka merah dia berundur selangkah. Hajah Hafsa bertempik terkejut. Atiqah yang teresak dalam tangis tiba-tiba terdiam. Bagia Shaif tidak membalas sepatah. Dia tunduk mengambil kain serban dan kopiahnya yang jatuh lantas melilit kembali kain serbannya. Dengan wajah tanpa menampakkan garis-garis kemarahan dia memberikan senyuman yang amat manis lagi lebar kepada Pak Longnya.”

“Terima kasih. Semoga penampar Pak Long tidak akan menjadikan saya anak saudara yang biadab dan celopar” (Rahimidin, 2012)

Bersikap lemah lembut

Sifat dan sikap yang lahiriah merupakan hasil dari keunggulan pengalaman belajar dan pengamalan ilmu yang beliau pelajari. Budi pekerti yang sopan, tutur kata memikat pendengar dan ekspresi seni bahasa terbina. Wujudnya nilai falsafah yang dicorakkan berbentuk holistik menekankan cita-cita luhur untuk memupuk akal dan ketertiban budi yang mulia mengikut lunas Islam sebenar:

“Bagia Shaif dengan pakaian kerja yang masih basah kerana turun ke kolam, segera menemui tetamunya. Demi terpancang dari jauh yang menunggunya itu adalah abang sepupunya dan teman-temannya, hati Bagia Shaif berbunga gembira. Dia gembira kerana sejak setahun pemondokan agama itu dibangunkan kembali, sepupunya itu tidak pernah hadir. Bagia shaif memberi salam dan menghulurkan tangannya untuk berjabat erat.” (Rahimidin, 2012)

Kejadian tidak baik berlaku selepas itu disebabkan kehadiran tetamu yang berjumpa dengan Bagia Shaif itu berniat yang jahat. Namun demikian, penampilan beliau sentiasa melemparkan kesopanan apabila bercakap dengan sesiapa sahaja tidak kira orang dan kaum.

“Ruapan kayu terbakar masih lagi menyusupi bauan setiap lubang hidung pengunjung. Bagia Shaif tetap menyambut salam setiap pengunjung yang datang dengan senyuman. Tidak beriak setitik kecil pun kesedihan pada goresan senyumannya.” (Rahimidin, 2012)

Petikan tersebut menunjukkan tingkah laku yang elok tetap ditunjukkan pada Bagia Shaif meskipun satu kejadian setelah Zubair berjaya membakar pondok kediaman beliau. Namun Bagia Shaif tegap hatinya dengan sepotong ayat ialah semuanya daripada Allah!

Mengindahkan jiwa dan tingkah laku

Sifat dan gambaran batin yang indah, baik dan akhlak yang keji adalah berbentuk sejagat, iaitu semua masyarakat di dunia ini pada keseluruhannya mempunyai pandangan yang sama terhadap akhlak yang baik dan sama-sama mengutuk akhlak yang keji. Sebenarnya sebarang tingkah laku manusia cuma bertujuan untuk mendapatkan keredaan

Allah SWT dikatakan baik dan mulia. Ternyata bahawa novel Pewaris ada keseimbangan di antara pelbagai aspek kehidupan manusia terserlah dalam usaha menghasilkan susunan sosial yang terbaik. Akhlak yang baik Bagia Shaif dijadikan wahana untuk melambang rupa ilmuwan dan menjadi teladan kepada orang lain. Gaya ini menunjuk kesungguhan menimba ilmu agama akan diungkapkan dalam cerita setelah melanjutkan pelajaran di negeri Arab seperti berikut:

“Menurut teman-teman Atiqah yang pernah melihat Bagia Shaif amat jauh bezanya dengan 10 tahun yang lepas. Bagia Shaif sekarang disaluti jubah putih bersih, berserban putih bersih dan janggut sejempit manis di dagunya. Bagia Shaif sekarang ialah Ustaz Muhammad Bagia Shaif.” (Rahimidin, 2012)

Ini secara tidak langsung menggalakkan orang Kampung Padang Rombakan percaya atas dasar penampilan dalam kalangan pendakwah. Para umat juga dapat meyakini pengetahuan apabila terlihat rupa paras terutama sekali dalam kalangan yang enggan dan menentang.

Tidak putus asa menyerlah potensi orang lain

Manusia diciptakan sebagai makhluk sosial ada yang berdiri tegak mahupun tidak bergaya. Novel Pewaris dapat memberikan pengaruh yang positif bagi pembaca. Sebagai contohnya pada perilaku jujur dan bertanggungjawab terhadap kewajiban yang telah diamanahkan kepada diri sendiri. Maka dilakukan dengan ikhlas atas dasar kebenaran adalah seseorang yang mempunyai keyakinan dalam dirinya bahawa apa yang telah dilakukannya merupakan sesuatu yang baik. Keupayaan seorang pendakwah untuk bertindak tanpa paksaan luaran di dalam parameter penciptaan Allah dan sebagai amanah Allah di muka bumi ini. Perjuangan Bagia Shaif semakin utuh selain daripada menggalas tugas sebagai seorang pendakwah, terdapat juga amanat dan tugas lain yang menjadi amalan beliau. Bagia Shaif juga berusaha dalam melakukan aktiviti sosial dan kemasyarakatan apabila sering juga menyertai program amal, khidmat seperti yang digambarkan dalam berikut:

“Zubairlah orang yang paling marah dengan pembukaan pondok dan kemasyhuran nama Ustaz Bagia Shaif. Dia marah benar kerana pengaruh Bagia Shaif yang di samping mengajar ilmu akhirat telah juga memberi peluang pekerjaan kepada anak muda kampung. Dengan adanya peluang pekerjaan di projek pertanian pemondokan agama. (Rahimidin, 2012)

Mendidik secara bertahap

Dalam novel Pewaris sangat teruja kerana salah satu teknik pengarang memilih motif pendidikan yang ingin disampaikan kepada pembaca berhasrat semua orang perlu mendapat pendidikan yang baik sehingga berpotensi-potensi untuk berkembang dengan baik menjadi ummah yang memiliki pelbagai kemampuan dan keterampilan yang bermanfaat. Taufik dan hidayah juga telah dipaparkan melalui dialog Eh Put seorang Cina –kemudian bertukar nama kepada Muhammad Taufik bin Abdullah- yang berjiwa kental dalam membuat keputusan memeluk agama Islam dan mendapat hidayat dalam mendalami ilmu agama daripada ramai orang. Ia dapat digambarkan pada pertengahan cerita seperti berikut

“Dalam diam-diam Eh Put mulai mengikuti kuliah agama yang diajarkan oleh Bagia Shaif kepada anak-anak muridnya. Kadangkala air matanya menitis mengingatkan azab sengsara di alam kubur dan di akhirat. Setakat ini dia mengikuti kuliah agama itu dari jauh. Dia masih khuatir untuk hadir bersama dengan murid-murid Bagia Shaif yang lain.” (Rahimidin, 2012:45)

“...Meskipun masih lagi segan-silu untuk ikut serta di dalam majlis di atas surau tua, Taufik mula bertanya akan sesuatu hal atau permasalahan yang kurang difahaminya kepada Ustaz Bagia Shaif, Ustaz Nik, Ustaz Hafiz ataupun Lebai Ibrahim.” (Rahimidin, 2012:47)

Selalu menjadi guru yang peramah

Novel Pewaris mengandungi banyak sikap kebaikan kerana dapat memberikan fikiran positif kepada pembaca. Agama bermatlamatkan ke arah penampilan akhlak yang baik sama ada melalui perintah atau teguran. Seseorang pendakwah yang dicerminkan di

dalam novel *Pewaris* mengandung nilai moral Islam. Fungsi nilai moral Islam untuk menarik perhatian pembaca dapat diterapkan daripada perilaku baik, mempunyai etika, tanggungjawab dan melaksanakan kewajibannya dengan baik yakni ihsan yang menguntungkan seseorang selain daripada orang-orang yang perbuatannya dilakukan tanpa sebarang kewajipan. Menurut Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia dan Habibah Artini Ramlie (2019) Seorang mukmin yang soleh merupakan sebaik-baik penasihat dan pendakwah untuk menyeru orang ramai supaya beriman kepada Allah S.W.T. Akhlaknya yang mulia menjadi daya penarik jiwa dan perasaan orang untuk mengikutinya. Kepercayaan kepada Tuhan dalam Islam disebut sebagai iman. Iman sebagai pemberi cahaya bagi akal budi dan daya upaya hidup untuk membentuk amal yang soleh.

Unsur teladan dalam novel *Pewaris* dikuatkan dengan pengajaran seorang pendakwah yang buktinya penuh dengan kepercayaan dan keyakinan bukan sekadar orang sekeliling bahkan kepada Allah SWT yang digambarkan oleh penulis, misalnya:

“Subuh itu adalah subuh yang jernih dan hidup. Subuh yang penuh dengan para jemaah melimpahi surau. Bagia Shaif mengimamkan sembahyang subuh berbilalkan Tok Ayah. Para makmum pun memenuhi surau dengan orang-orang kampung, di samping bersaf-saf pula dengan murid-murid Bagia Shaif dan lelaki tua muda berjubah putih bersih.” (Rahimidin, 2012:103)

Jika dilihat babak ini merupakan perkara yang biasa berlakulumlah ada di mana-mana tetapi perjuangan agama Islam pada pendirian Bahia Shaif telah menang kerana akhirnya berjaya menyatukan mereka dalam kampung sehingga jalan warak hidup kembali surau. Beliau seorang yang memang berjuang demi agama Islam.

Kesimpulan

Novel Melayu memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu mesej dan seterusnya menjana kebijaksanaan insan. Namun begitu, tidak mutlak terdapat beberapa prinsip lain dari enam kategori di atas boleh disalurkan lagi. Penerapan konsep didaktik yang disampaikan oleh Rahimidin Zahari dalam novel *Pewaris* mampu

mengingatkan doa Rasulullah SAW "Wahai Tuhanku, apa yang dilimpahkan ke atas ku atau sesiapa saja dari makhluk-Mu adalah datangnye semata-mata dari-Mu, tiada sekutu bagi-Mu. Maka untuk-Mu sahajalah kepujian dan kesyukuran". Unsur didaktik yang dipaparkan oleh pengarang semua keenam-enam kategori terdedah dengan jelas di antaranya 1) diajar dengan penuh cinta dan kasih 2) bersikap lemah lembut 3) mengindahkan jiwa dan tingkah laku 4) tidak putus asa menggali potensi orang lain 5) mendidik secara bertahap 6) selalu menjadi guru yang ramah. Kesemua unsur tersebut ditonjolkan melalui watak utama, Bagia Shaif. Beliau merupakan seorang yang berakhlak murni, pemimpin yang baik, tambahan pula sabar dalam berdakwah biarpun beribu diayah tempuh.

Saranan

Hasil kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan dan panduan kepada penyelidik-penyelidik yang berminat tentang konsep didaktik berlandaskan novel-novel yang lain. Hal ini kerana, unsur didaktik yang digunakan dalam Novel Pewaris karya Rahimidin Zahari telah menyampaikan nilai-nilai murni ketokohan pada watak utama yang terdiri atas ajaran dan perilaku dalam menghadapi pelbagai masalah. Justeru, hubungan yang signifikan didaktisme dengan agama Islam adalah sebagai teras utama yang mempengaruhi dan mengingatkan keindahan. Daripada hasil yang diperoleh terdapat cadangan-cadangan yang dinyatakan untuk kajian masa depan disarankan agar melakukan pendekatan kritikan karya-karya kontemporari agar hasil dapatan lebih mendalam selain skop teks karya disarankan satu kajian perbandingan yang merangkumi pengarang atau lingkungan berbeza agar mendapat hasil dapatan kajian yang menyeluruh serta dapat menunjukkan perbezaan pemikiran di antara bebera karya yang terpilih.

Rujukan

- Abdul Aziz Itar. (2008). *S.Othman dan Sastera Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Malaysia.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (1999). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Flick, Uwe. (2007). *Designing Qualitative Research*. London : SAGE Publications.
- Hamalik Oemar. (2001). *Proses Belajar Mengajar*. Bandung: Bumi Aksara.
- Jum'ah Amin Abdul Aziz. (2005). *Fiqh Dakwah Prinsip dan Kaedah Asasi Dakwah Islam*. Abdus Salam Masykur, (terjemah). Solo: Era Intermedia.
- Maniyamin bin Haji Ibrahim. (2005). *Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Mustafa Muhammad al-Thahhan. (2017). *Gurunya Umat Manusia : Belajar Metode Nabi Mengajar*. Jakarta : Yayasan Mitra Netra.
- Rahimidin Zahari. (2012). *Pewaris*. Kuala Lumpur: Institusi Terjemahan & Buku Malaysia.
- Rothgangel, M., and J. Vollmer. (2020). Towards a Theory of Subject-Matter Didactics. *Research in Subject-Matter Teaching and Learning (RISTAL)*, 3(2): 126–151.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia dan Habibah Artini Ramlie. (2019). Pendekatan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Terhadap Banduan Di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Al-Hikmah* 11(2): 68-87.
- Siti Hawa Haji Salleh. (2002). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Rashid Ahmad. (2020). KLWBC 2020: Rahimidin Zahari budak kurus yang sepi. Astro Awani. Bahan diakses pada 2 Disember 2022, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/klwbc-2020-rahimidin-zahari-budak-kurus-yang-sepi-243306>.